

08 MAR 2004

Abdullah-Pembangunan

BANYAK LAGI AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA BELUM SELESAI, KATA PM

SEREMBAN, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi hari ini mengakui banyak lagi agenda pembangunan negara yang belum

selesai dilaksanakan demi kemajuan rakyat.

Beliau berkata kerajaan akan terus membaiki apa sahaja kekurangan yang

ada dalam melaksanakan agenda pembangunan negara itu.

"Saya akui agenda pembangunan kita belum selesai. Banyak lagi yang kita mahu buat.

"Kita mesti kejar apa yang ada didepan dan pada masa yang sama memastikan apa yang dikelek tidak berciciran," katanya semasa merasmikan

program Islam Hadhari (Pengurusan Negara Islam) peringkat Negeri Sembilan

di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Setiausaha Agung Barisan Nasional Tan Sri Khalil Yaakob dan

Setiausaha

Kerajaan Negeri Datuk Hamzah Ghazali.

Berucap di hadapan ribuan hadirin di padang Majlis Perbandaran Seremban

(MPS), Abdullah berkata semangat permuafakatan yang wujud di kalangan semua

pihak termasuk jemaah Menteri yang terdiri daripada pelbagai kaum amat baik

dan saling hormat menghormati.

Beliau berkata sebab itu kejayaan negara ini patut menjadi kebanggaan

semua orang Islam dan bukan Islam.

"Sebab itulah saya paling mengutamakan semangat kerjasama dalam menjayakan agenda pembangunan negara kita ini," katanya.

Abdullah turut menggesa supaya rakyat Malaysia menuntut ilmu pengetahuan kerana melaluinya mereka akan dapat mengeksploitasi segala

bidang ilmu dan nikmat yang dikurniakan untuk kebaikan mereka.

"Ilmu pengetahuan amat penting dan tanpanya kita tidak boleh maju dan

membangun. Manusia yang tidak ada ilmu pengetahuan sukar untuk berjaya,"

katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan penghargaan kepada empat bekas Perdana

Menteri yang terdahulu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul

Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana telah membangunkan negara ini menjadi negara yang berjaya, aman dan makmur.

-- BERNAMA

APG MAM RP AM